

NO. SOALAN: 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN SU KEONG SIONG
[IPOH TIMOR]

TARIKH 15 MAC 2016

RUJUKAN 8584

SOALAN:

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah permohonan kewarganegaraan yang telah diberikan kelulusan dan jumlah warga Malaysia yang telah menyerahkan kewarganegaraan dari tahun 2008 hingga 2015. Berikan jumlah pecahan mengikut tahun dan kaum masing-masing.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah permohonan kewarganegaraan yang telah dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia semenjak tahun 2008 sehingga 2015 adalah 47,232 orang dan perincian mengikut pecahan tiga (3) negara asal tertinggi adalah:-

	Jumlah (Orang)
Indonesia	19,935
India	5,228
Kemboja	2,387

Manakala, jumlah warganegara Malaysia yang telah membuat pelepasan kewarganegaraan bagi tempoh yang sama adalah 59,953 orang dan perincian mengikut tiga (3) kaum tertinggi adalah:-

<i>Kaum</i>	Jumlah (Orang)
Cina	54,577
India	2,108
Melayu	1,137